

Timbalan Mufti Kelantan setuju

pendapat PM
24 JAN 2003

KAHERAH 23 Jan. — Timbalan Mufti Kelantan, Datuk Shukri Mohamad bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bahawa kelemahan umat Islam sekarang ialah berpunca daripada kesilapan mereka memahami ajaran Islam yang sebenar.

Mengulas ucapan Dr. Mahathir yang disampaikan di hadapan para ahli akademik dan pelajar Universiti Al-Azhar semalam, beliau berkata, soal perlunya mencari ilmu dan kekuatan lain yang ditekankan oleh Perdana Menteri memang menjadi tuntutan dalam Islam dan banyak disebut dalam al-Quran.

“Umat Islam perlu mengakui yang mereka masih ketinggalan dan oleh itu perlu mencari kekuatan dari segi ilmu pengetahuan dan (kemahiran) yang lain.

“Kesilapan dan kecacatan yang ada pada kita ialah kefahaman kepada ajaran agama sebenar dan ini perlu diperbaiki dan diperbetulkan bagi mengembalikan kekuatan umat Islam,” katanya kepada pemberita di lobi Hotel Royal Nile Tower di sini semalam.

Beliau berada di sini kerana mengikuti rombongan Perdana Menteri mengadakan lawatan kerja selama tiga hari ke Mesir, yang berakhir hari ini.

Turut serta ialah Mufti Kedah, Datuk Sheikh Hasbullah Abdul Halim, Mufti Johor, Datuk Nooh Gadot dan Mufti Perlis, Datuk Mat Jahaya Husin.

Pengiktirafan

Mengulas mengenai perpecahan di kalangan umat Islam ekoran pelbagai tafsiran berbeza terhadap al-Quran dan Sunnah yang disentuh oleh Perdana Menteri, Shukri berkata, perbezaan pendapat dibenarkan dalam Islam tetapi sepatutnya tidak sampai bercakaran.

Menyentuh tindak-tanduk Pas menyalahgunakan Islam untuk menarik sokongan rakyat Malaysia yang juga ditimbulkan oleh Dr. Mahathir, beliau berkata, apa yang dilakukan oleh parti itu turut berlaku di negara-negara lain.

“Di seluruh dunia kini ada elemen-elemen yang berlaku di Malaysia. Walaupun nampak seolah-olah ia isu tempatan tetapi sebenarnya bersifat antarabangsa,” katanya.

Sementara itu, Nooh pula menyifatkan ucapan Perdana Menteri sebagai kritikan berani yang disampaikan tanpa berselindung untuk menyedarkan umat Islam supaya memperbetulkan kelemahan diri.

“Untuk menjadi ummah yang baik, kita mesti berani menyatakan yang betul walaupun sedih untuk diucapkan tetapi (kritikan) itu adalah ubat yang baik,” katanya. — *Utusan*